

Su (Politik)

Ucapan ADHO
591
210/80

Ucapan YB Datuk Hussein Onn, Menteri Pelajaran
Malaysia Ketika Meresmikan Bangunan Baru
Sekolah Kebangsaan Jelutong, Pulau Pinang,
Pada 9hb. Jun, 1973, Jam 10.00 pagi.-----

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Jelutong kerana sudi menjemput saya untuk meresmikan bangunan baru sekolah ini. Saya juga berasa gembira kerana telah mendapat kesempatan pada pagi ini untuk berjumpa dengan Guru Besar, Guru-Guru, murid-murid dan ibu-ibubapa sekelian, dan dapat melihat sendiri dengan lebih dekat kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh sekolah ini pada masa sekarang.

2. Pada ketika ini saya percaya bahawa ibu-ibubapa dan masyarakat di Jelutong ini tentulah berasa bangga kerana telah mendapat bangunan baru yang berharga \$185,000 untuk anak-anak mereka belajar dengan lebih selesa dan sempurna.

Semenjak negeri ini mencapai kemerdekaan kira-kira 15 tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dan akan membelanjakan lebih banyak lagi untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran seperti membaiki bangunan-bangunan sekolah yang telah rosak dan membina bangunan-bangunan yang baru kerana menggantikan bangunan-bangunan yang lama. Proses penggantian ini belum lagi selesai dan akan memakan masa yang panjang. Kerajaan tidak dapat menggantikan sekolah-sekolah yang lama itu secara sekali gus, tetapi akan melaksanakan projek-projek penggantian ini mengikut keutamaan sekolah masing-masing. Sekolah Kebangsaan Jelutong ini telah sungguh bernasib baik kerana telah mendapat bangunan baru pada masa ini, dan ibu-ibubapa khususnya, tentulah berasa begitu bangga kerana mendapat kemudahan yang sangat berharga itu.

3. Kita sama-sama mengetahui bahawa sistem pelajaran negeri ini menyediakan tempat yang cukup untuk tiap-tiap kanak-kanak bersekolah selama sekurang-kurangnya 9 tahun, dari darjah satu hingga ke Tingkatan III. Murid-murid yang layak belajar di Tingkatan IV dan V pula adalah diberi tempat yang cukup untuk menyambung pelajaran mereka. Ini bermakna rakyat adalah diberi peluang yang sama untuk mendapat pelajaran atau mereka diberikan 'Equal opportunity for education'. Tetapi dengan membelanjakan berjuta-juta ringgit lagi untuk mengadakan bangunan sekolah yang

aru kerana menggantikan yang lama, dan beberapa kemudahan-kemudahan yang lain, Kerajaan adalah mementingkan 'Quality Education' atau pelajaran yang bermutu. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan tidak sahaja memberi rakyatnya peluang yang sama untuk mendapat pelajaran tetapi yang lebih penting ialah memberi peluang yang sama untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran, atau dalam Bahasa Inggeris, 'Equal Opportunity for Success in Education'. Saya berharap sekolah ini tidak akan menghampakan ibu-ibubapa dan Kerajaan, dan akan meningkat lebih maju lagi dengan adanya bangunan yang baru ini dan kemudahan-kemudahan yang lain.

4. Saya diberitahu bahawa Sekolah Kebangsaan Jelutong sekarang ialah hasil daripada percantuman di antara Sekolah Kebangsaan Laki-Laki dan Sekolah Kebangsaan Perempuan. Saya menyokong sepenuhnya dayausaha untuk mencantumkan Sekolah-Sekolah yang kecil seperti ini, lebih-lebih lagi apabila tidak terdapat halangan-halangan yang besar untuk mencantumkan sekolah-sekolah itu. Saya sedar bahawa percantuman itu mungkin membawa beberapa kesuklitan. Ibu-ibubapa lebih suka sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka tidak terletak jauh dari rumah-rumah mereka kerana ini dapat mengurangkan perbelanjaan persekolahan dan sebagainya. Mereka sanggup melihat anak-anak mereka kurang sedikit mendapat pelajaran yang lebih sempurna kerana sekolah-sekolah itu terlalu kecil dan kurang kemudahan-kemudahan, asalkan sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka itu berhampiran dengan rumah-rumah mereka.

Di dalam masaalah ini saya mengucapkan tahniah kepada ibu-ibubapa di daerah Jelutong ini kerana telah berubah sikap dan membuat pengorbanan demi kepentingan pelajaran anak-anak mereka itu. Mereka telah bekerjasama dan menerima percantuman di antara Sekolah Laki-Laki dan Sekolah Perempuan sehingga menjadi sebuah sekolah yang besar iaitu Sekolah Kebangsaan Jelutong. Sekolah-Sekolah yang lebih besar adalah lebih ekonomik. Bilangan gurunya akan lebih ramai dan mereka mempunyai berbagai kebolehan. Alat-alat kemudahan belajar dan bermain juga dapat diadakan dengan lebih mudah dan murah lagi. Semuanya ini akan menguntungkan murid-murid sendiri kerana mereka mendapat lebih banyak kemudahan yang mana akan dapat menambah kemajuan pelajaran murid-murid itu sendiri. Saya berharap sekolah-sekolah lain yang kecil-kecil di seluruh negara akan cuba mencontohi sekolah Kebangsaan Jelutong ini untuk bercantum supaya menjadi lebih besar dan lebih ekonomik dan memberi faedah yang besar kepada murid-muridnya.

5. Pada tahun ini Kementerian Pelajaran telah memulakan 10 buah lagi sekolah Menengah berasrama penuh. Dengan demikian jumlah sekolah-sekolah berasrama penuh menjadi 19 buah semuanya termasuk Maktab Melayu Kuala Kangsar, Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh, Sekolah Menengah Tengku Kurshiah dan lain-lain lagi. Kerajaan mendirikan sekolah-sekolah ini supaya

●-murid dari luarbandar mendapat pelajaran yang lebih sempurna dalam bidang Sains, Hisab dan Teknik. Kementerian Pelajaran mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk sekolah-sekolah ini dengan tujuan supaya dapat melipat-gandakan bilangan pelajar-pelajar bumiputra dalam bidang Sains dan Teknologi, Perdagangan dan Perindustrian. Kaum bumiputra sangat berkurangan dalam bidang-bidang ini dan kita tidak sanggup ketinggalan lagi. Saya berharap masyarakat luarbandar khasnya, tidak melepaskan peluang ini, dan lebih ramai murid-murid dari luarbandar akan dapat melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah ini. Tetapi peluang tidak datang meng-golek. Pertama sekali murid-murid yang dipilih untuk masuk ke-sekolah-sekolah ini mestilah murid-murid yang mendapat kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan darjah V mereka.

Oleh hal yang demikian murid-murid di sekolah-sekolah kebangsaan di luarbandar terutamanya, dan masyarakat luarbandar khasnya, hendaklah mengambil peluang keemasan ini. Sekolah-sekolah menengah berasrama penuh itu memerlukan murid-murid yang mempunyai kelulusan yang baik dalam pelajaran Sains, Ilmu Hisab, Bahasa Malaysia dan Inggeris. Ini bermakna ibu-ibubapa dan guru-guru khasnya, hendaklah berusaha secara lebih serious lagi supaya murid-murid ini dapat mempelajari mata-mata pelajaran ini dengan lebih sempurna, supaya dapat melayakan diri mereka memasuki sekolah-sekolah menengah berasrama penuh itu.

6. Baru-baru ini saya telah melancarkan kempen bahasa Inggeris bagi murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan di seluruh Malaysia. Di sini saya suka mengulang apa yang saya katakan dalam kempen itu. Pada tahun 1972 daripada 156,000 calon dari sekolah-sekolah kebangsaan yang memasuki peperiksaan di semua peringkat iaitu Darjah V, S.R.P. dan S.P.M. hanya 87,000 orang calon sahaja yang lulus dan 69,000 lagi gagal. Dari jumlah 156,000 itu cuma 117 calon sahaja yang mengambil mata-pelajaran itu di peringkat yang lebih tinggi, dan dari bilangan ini pula, hanya 75 orang yang lulus, dan dari mereka yang lulus itu 3 orang sahaja mendapat pangkat amat baik atau 'distinction'.

Keputusan ini sangat mendukacitakan kita semua.

Zaman ini ialah zaman Sains dan Teknologi, dan zaman perniagaan dan perindustrian yang serba moden. Pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Inggeris akan memudahkan lagi pelajar-pelajar kita mengikuti kursus-kursus Sains, Teknologi, Perdagangan dan Perindustrian, kerana kebanyakan buku-buku rujukan dan buku-buku teks adalah dalam Bahasa Inggeris. Ini juga akan dapat melipat-gandakan bilangan anak-anak bumiputra mempelajari dan menyertai bidang-bidang ikhtisas atau professional. Dengan bidang ikhtisas atau professional saya bermaksud bidang-bidang pekerjaan seperti Jurutera, Juru Ukur, Juruteknik, Perubatan, Jururawat, Juru Kira, Perundangan, Pengurusan, Perniagaan dan lain-lain lagi. Negara kita

sedang membangun dengan pesatnya. Dasar ekonomi baru tidak akan mencapai matlamatnya jikalau kaum bumiputra tidak memegang jawatan-jawatan penting dalam bidang ikhtisas atau professional itu kerana di bidang inilah kaum bumiputra sangat kekurangan dan di sinilah juga mereka-mereka itu sangat dikehendaki.

Saya berharap masyarakat bumiputra tidak tersalah faham tentang kempen Bahasa Inggeris ini. Kementerian saya hanya melaksanakan dasar pelajaran kita yang mewajibkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah. Saya sungguh berasa sukacita diberitahu bahawa sekolah-sekolah kebangsaan di Pulau Pinang ini telah pun mengadakan Minggu Bahasa Inggeris di tahun-tahun yang lalu. Pada tahun ini segala persiapan telah diatur oleh Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan kempen Bahasa Inggeris mulai minggu hadapan. Ini adalah satu perkara yang sangat menggalakan dan patut diberi kepujian.

Dalam pada itu juga murid-murid sekolah di semua peringkat sehingga ke peringkat Maktab dan Universiti mestilah boleh menguasai Bahasa Malaysia secukupnya kerana ianya Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi negara, dan mulai tahun 1975 Bahasa pengantar di semua sekolah rendah untuk semua matapelajaran ialah Bahasa Malaysia, dan pada tahun 1982 di semua sekolah menengah dalam negeri ini, Bahasa pengantar ialah juga Bahasa Malaysia. Ini bermakna tidak ada perbezaan lagi di antara sekolah-sekolah, dan ibu-ibubapa tidak kesulitan lagi untuk memilih sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka.


7. Akhir sekali saya suka menyatakan di sini bahawa perhubungan guru sesama guru, guru dengan murid, dan guru dengan ibubapa sangatlah penting. Guru-guru menjadi ibubapa murid di waktu sekolah. Murid dan guru perlu mempunyai pertalian yang erat dan penuh persefahaman dan kerjasama di antara mereka. Ini dapat dilaksanakan jika sekiranya ibu-ibubapa memberi sokongan dan kerjasama yang sepenuhnya kepada guru dan sekolah. Saya percaya ibu-ibubapa telah faham tentang masalah ini dan mereka pernah memberi kerjasama kepada sekolah dan guru-guru. Tetapi dunia kita berubah dan masalah-masalah juga turut sama-sama bertambah. Kanak-kanak yang masih mentah sentiasa terdedah kepada gejala-gejala yang boleh meruntuhkan nilai-nilai budaya kita yang tinggi mutunya dan sentiasa disanjung tinggi itu. Kanak-kanak yang muda itu memerlukan pimpinan rohani dan jasmani yang secukupnya dari jenerasi yang lebih dewasa fikirannya. Maka dalam hal ini guru-guru dan ibu-ibubapa dan seterusnya masyarakat adalah mempunyai peranan yang penting,

dan jika sekiranya ada persefahaman dan kerjasama di antara ibu-ibubapa dengan guru-guru serta juga masyarakat, gejala-gejala yang tidak di ingini itu dapat kita hapuskan. Saya berharap Persatuan Ibubapa dan Guru-guru adalah pertubuhan yang sesuai sekali untuk menghadapi masalah ini. Persatuan ini akan dapat mengkaji masalah-masalah yang wujud, dan ia juga yang dapat mengatur rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah-masalah itu. Bagi pihak Kementerian, saya sangatlah menyokong penuh penubuhan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru, dan dalam perkara ini Kementerian saya berharap pada akhir tahun ini semua sekolah akan mempunyai Persatuan Ibubapa dan Guru-guru masing-masing.

8. Sekian ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengerusi dan ahli Lembaga Pengurus sekolah ini. Saya penuh yakin sekolah ini akan meningkat maju dari semasa ke semasa. Sekarang dengan segala sukacita saya resmikan bangunan baru sekolah ini.

Kementerian Pelajaran,
Malaysia.

8hb. Jun, 1973.



Speech of YB Datuk Hussein Onn, Minister of Education,
On The Occasion of The Official Opening of The New
Building of Sekolah Kebangsaan Jelutong, Pulau Pinang,
On 9th. Jun, 1973, at 9.00 a.m.

I would like to take this opportunity to thank the Chairman of the Board of Managers Sekolah Kebangsaan Jelutong for inviting me to officially open the new building of this school. I am also very happy for having this opportunity this morning to meet the Headmaster, teachers, pupils and parents and also to witness the progress achieved by the school so far.

2. I believe the parents, and the residents of Jelutong are very proud to get a new school building costing \$185,000 for their children to learn in a more conducive atmosphere. Since the country achieved independence more than 15 years ago the Government has spent millions of dollars and will continue to spend millions more in order to provide educational facilities such as maintaining and repairing school buildings and erecting new buildings to replace the old ones. The process of replacing the old buildings will take a long time. The Government could not replace all the old school buildings at the same time, but will do it according to the needs of the respective schools. This school is very lucky to get its new building now, and the parents should feel proud of having this building.

3. We all are aware that the education system of our country provides sufficient places for children to study in schools for at least nine years from standard I up to Form III. Pupils who are qualified to continue their studies in Form IV and V are also provided places in upper secondary schools. This means that every child is given equal opportunity for education. But the spending of extra millions of dollars to replace the old school buildings and providing other facilities, the Government is emphasising quality education. In other words the Government is not only ensuring every child has equal opportunity for education, but what is more important is giving equal opportunity for success in education. I sincerely hope that this school will fulfil the parents' and

governments' aspirations and will progress more rapidly with the new buildings and other facilities.

4. I understand that the present Sekolah Kebangsaan Jelutong is the result of joining together the Sekolah Kebangsaan for boys and the Sekolah Kebangsaan for girls. I fully support the move to join together small schools such as these, especially when there are no big obstacles and opposition to do so. I am aware that the joining of such schools may raise several problems. Parents prefer sending their children to schools that are not far from their homes in order to save education expenses. They would rather send their children to a school where the standard of learning is a little lower because of its small size and less facilities, as long as their children are not far from their homes.

In this respect I wish to congratulate the parents in Jelutong for their change in attitude and their sacrifice in the interest of their children's education. They have cooperated and accepted the joining of the two schools, the boys' school and the girls' school to form a bigger school that is the Sekolah Kebangsaan Jelutong. Large schools are more economical to operate. There will be more teachers who will have a wider range of abilities and talents. Teaching aids and games equipments are available more easily and cheaply. All these will benefit the pupils themselves because they will obtain more facilities and equipments and thus increase the progress in their own education. I hope other smaller schools in our country will try to follow the example shown by this school of joining together to form a larger and more economical school.

5. This year, the Ministry of Education has started building ten more fully residential schools. With this addition there are now 19 fully residential schools including the Maktab Melayu Kuala Kangsar, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Sekolah Menengah Tengku Kurshiah and others. The Government built these schools so that the pupils from rural areas will be able to learn Science, Mathematics and Technical subjects more effectively. The Ministry of Education is spending millions of dollars for these schools in order to increase many folds the number of Bumiputra pupils taking up Science, Technical subjects and Commercial studies. There is a great shortage of Bumiputra in these fields. This shortage should not be allowed to continue. I hope people from the rural areas will not miss this opportunity to send more pupils to continue their studies in these residential schools. This opportunity does not fall on one's laps. The pupils who are eligible for selection are those with good passes in the standard five assessment examinations. As such pupils, especially in the National Primary schools in the rural areas should take this golden opportunity. The fully residential schools require pupils with good passes in Science, Mathematics, Bahasa Malaysia and English. This means the parents and particularly the teachers are expected to put in more efforts so that the pupils will learn these subjects more effectively in order to qualify to enter those fully residential schools.

6. Recently I launched the English Language campaign for pupils in the National Primary and Secondary schools, throughout Malaysia. I would like to repeat here what I said. In 1972 from 156,000 candidates in the National Schools who sat for the various examinations i.e standard V, SRP and SPM examinations only 87,000 candidates passed and 69,000 failed in English. From the 156,000 only 117 candidates sat for English at the higher level and from this number only 75 passed. Out of the 75 who passed only 3 obtained distinctions. This result is very disappointing to us all.

This is the age of Science and Technology and the age of commerce and Modern Industry. Sufficient knowledge of English will facilitate pupils to study Science, Technical subjects, and Commercial studies more effectively as many of the reference and text books are in English. This also will help to increase many folds the number of Bumiputra youth studying and participating in the professional fields. By professional fields I mean careers such as engineering, surveying, technical, medicine, nursing, accounting, law, management, commerce and such like. Our country is developing very rapidly. Our new Economic Policy will not achieve its objectives if the Bumiputras do not hold various important positions at various levels in the professional fields. This imbalance must be rectified. I sincerely hope the Bumiputras will not misunderstand me for launching the English Language Campaign. My Ministry is only implementing the National Education Policy which makes English a second compulsory

language in all schools. I am happy to know that the National Schools in Penang have already held English Language week in the previous years. This year all preparation have been arranged by the Penang Education Department to carry out the English Language Campaign beginning from next week. This is very heartening indeed and **should** be encouraged.

Besides this, students in schools at all levels even at University level must master Bahasa Malaysia thoroughly because it is the National Language and the official language of the country, and beginning from 1975 the language of instruction in all Primary Schools for all subjects will be Bahasa Malaysia, and in 1982, Bahasa Malaysia will be the language of instruction in all secondary schools in this country. This means that there will be no difference whatsoever between the schools. Parents will have no difficulty then to choose which school to send their children to.

7. Finally I wish to touch upon the relationship among teachers themselves, between teachers and pupils and between teachers and parents. This is important. Teachers act as parents in schools. As such pupils and teachers must have a very close relationship and understanding and cooperation between them. This can be achieved if parents give their full support and cooperation to the teachers and school. I am convinced that parents do understand this problem and they have been giving their cooperation to the school and teachers. But the world is changing and the problems keep on increasing. The young children are always exposed to numerous bad elements that may destroy our cultural values which we hold in high regard. These children need sufficient guidance, spiritual and physical from the elder members of the society who are more matured in their thinking. In this connection, teachers and parents as well as other members of the society have a very important role to play, and with understanding and cooperation between teachers and parents as well as the society, all these bad influences can be avoided. I am sure the Parent Teachers Association is the right organisation to deal with this problem. This Association will be able to study the existing problem and will also be able to prepare plans to solve such problems. The Ministry of Education gives full support to the Parent Teachers Association and I hope by the end of this year every school in the country will have its own Parent Teachers Association.

Once again I wish to thank the Chairman and the members of the Board of Managers. I am confident this school will progress as time goes on. Now I have great pleasure officially open the new building for this school.

Ministry of Education,
Malaysia.

8hb. Jun, 1973.



No Siri 554
 No. Penerimaan 199/80